



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**JURANG LEKSIKAL DALAM PENTERJEMAHAN KATA KERJA AL-  
QURAN POLA AF'ALA KE BAHASA MELAYU**

**BADRUL HISYAM BIN MOHD YASIN**

**FBMK 2018 68**



**JURANG LEKSIKAL DALAM PENTERJEMAHAN KATA KERJA AL-  
QURAN POLA AF'ALA KE BAHASA MELAYU**

Oleh

**BADRUL HISYAM BIN MOHD YASIN**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2018**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**JURANG LEKSIKAL DALAM PENTERJEMAHAN KATA KERJA  
AL-QURAN POLA *af'ala* KE BAHASA MELAYU**

Oleh

**BADRUL HISYAM BIN MOHD YASIN**

**November 2018**

**Pengerusi : Syed Nurulakla bin Syed Abdullah, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Jurang leksikal merupakan isu yang sering dihadapi oleh penterjemah al-Quran. Tinjauan persuratan menunjukkan jurang leksikal mencetuskan kesukaran dalam penterjemahan al-Quran kerana penterjemah perlu mencari padanan terbaik untuk merapatkan jurang leksikal agar hasil terjemahan menepati mesej Allah SWT. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti bentuk jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu dalam “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an” (TPR) dan “al-Qur’an Mushaf Malaysia dan Terjemahan” (QMMT), membandingkan teknik terjemahan yang digunakan bagi menangani jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu dalam TPR dan QMMT serta menghuraikan impak penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* bagi menangani jurang leksikal terhadap mesej al-Quran dalam TPR dan QMMT. Bagi merealisasikan objektif kajian, model jurang leksikal dalam terjemahan oleh Ping (2005), pendekatan terjemahan perkataan serta konsep dan teknik terjemahan intervensi oleh Darwish (2010) diterapkan sebagai rangka kerja konseptual. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui penerapan reka bentuk kajian kes. Sebanyak 25 sampel kata kerja al-Quran pola *af'ala* yang terkandung dalam 64 potongan ayat al-Quran dan terjemahannya telah dipilih dan dianalisis secara mendalam. Dapatan kajian telah mengenal pasti dua bentuk jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu, iaitu jurang leksikal wajar dan jurang leksikal separa. Jurang leksikal wajar membentuk dua klasifikasi, iaitu kelompangan konsep dan ketiadaan ungkapan. Jurang leksikal separa pula membentuk dua klasifikasi, iaitu perbezaan makna denotasi dan pencapahan makna konotasi. Perbandingan teknik terjemahan antara TPR dengan QMMT menunjukkan kedua-duanya memanfaatkan teknik pengembangan, teknik penyilangan, teknik gantian modulasi, pinjam terjemah,

gabungan teknik pinjam terjemah dan teknik apositif, serta gabungan teknik pengembangan dan apositif. Sebaliknya gabungan teknik gantian modulasi dan apositif hanya diaplikasikan oleh TPR dan gabungan teknik pinjaman dan apositif pula hanya diaplikasikan oleh QMMT. Teknik pengembangan serta gabungan teknik pinjam terjemah dan terjemahan apositif merupakan teknik yang berkesan untuk menangani jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala*. Kejayaan merapatkan jurang leksikal dibuktikan apabila terjemahan berjaya menjelaskan konsep terminologi fikah, merungkaikan konsep kata kerja al-Quran yang kompleks, mengeksplisitkan makna denotasi dan konotasi kata kerja al-Quran, mengekalkan kesantunan bahasa al-Quran, menyampaikan mesej al-Quran secara ringkas dan padat. Ketidaksempurnaan dalam menangani jurang leksikal pula menyebabkan mesej al-Quran tidak disampaikan secara dramatik, kewujudan pengaruh cerita *Isrā'iliyyat*, kehilangan sebahagian daripada mesej al-Quran dan kekeliruan terhadap konsep terminologi Islam. Rumusannya, kajian ini membuktikan bahawa jurang leksikal merupakan satu cabaran yang kritikal dalam terjemahan al-Quran disebabkan wujudnya konflik antara kata kerja al-Quran dengan item leksikal bahasa Melayu dan penterjemah al-Quran perlu memberikan perhatian yang wajar terhadap isu ini bagi menghasilkan terjemahan al-Quran yang berkualiti.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**THE LEXICAL GAP IN THE TRANSLATION OF THE QURANIC *AF'ALA* VERB FORMS TO THE MALAY LANGUAGE**

By

**BADRUL HISYAM BIN MOHD YASIN**

**November 2018**

**Chairman : Syed Nurulakla bin Syed Abdullah, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

The lexical gap phenomenon is an issue frequently faced by translators of the Quran. Literature review has shown that lexical gap leads to difficulties in the translation of the Quran because translators are required to find the best match in translations to narrow the lexical gap so that translations are exact reflections of the message of *Allah SWT*. This research was carried out to identify the lexical gap structure in the translation of Quranic *af'ala* verb forms to the Malay language in the “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an” (TPR) and “al-Qur’an Mushaf Malaysia dan Terjemahan” (QMMT); to compare translation techniques that are used to address the lexical gap in the translation of Quranic *af'ala* verb forms to the Malay language in the TPR and QMMT; and to discuss the impact of Quranic *af'ala* verb forms in conveying the Quranic messages in the TPR and QMMT. In order to realize the objectives of the research, the lexical gap model in translation by Ping (2005), interventional techniques, and translating words and concepts approaches by Darwish (2010) were applied as the conceptual framework. This research adopted the qualitative research approach through the case study design application. A total of 25 Quranic *af'ala* verb form samples from 64 Quranic verses and their translations were chosen and analysed in-depth. The research findings identified two lexical gap forms in the translated Quranic *af'ala* verb forms to the Malay language, which are proper lexical gaps and semi lexical gaps. The proper lexical gap consists of two classifications which are conceptual vacancy and expression vacancy. On the other hand, the semi lexical gap forms two classifications which are difference in denotative meanings and connotative divergence. Comparison of the translation techniques applied by TPR and QMMT to address the lexical gaps indicates both utilizing expansive techniques, intersectional techniques, modulatory substitution, calque and modulatory substitution, combination of calque and appositive

techniques, and combination of expansive and appositive techniques. In contrast, the combination of modulatory substitution and appositive techniques is only applied by TPR and the combination of loan technique and appositive techniques is only applied by QMMT. The expansive techniques, and combination of calque and appositive techniques are effective techniques in addressing the lexical gap in the translation. The success in narrowing the lexical gap is evidenced when translations are able to explain the *fikah* terminology concept, unravel the complex Quranic verb form concept, make explicit the denotative and connotative meanings of Quranic verb forms, maintain the propriety of the language of the Quran, relay the messages of the Quran as briefly and concise as possible, and provide added value to Quranic messages in translations. The inadequacy in addressing lexical gaps results in distorted and undramatic Quranic messages; the existence of the *Isrā'iliyyat*; loss of parts of Quranic messages; and confusion towards Islamic terminology concepts. In summary, this research proves that the lexical gap phenomenon is a critical challenge in the translation of the Quran because of the existence of conflicts between Quranic verb forms and Malay lexical items, and therefore, Quran translators need to give their utmost attention towards this issue in order to produce high quality Quranic translations.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat dan taufik-Nya, akhirnya saya berjaya menyiapkan penulisan tesis yang bertajuk “Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola *Afala* ke Bahasa Melayu”. Selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembawa rahmat ke seluruh alam. Begitu juga kepada ahli keluarga, para sahabat dan pengikut baginda SAW sehingga hari akhirat.

Pada kesempatan yang penuh bermakna ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada jawatankuasa penyeliaan tesis saya yang diterajui oleh Dr. Syed Nurulakla bin Syed Abdullah dan dianggotai oleh Dr. Mohd Sukki bin Othman dan Dr. Nik Farhan binti Mustafa. Barisan penyelia tesis saya merupakan pendidik yang sangat istimewa, kompeten dan berimpak tinggi dalam membimbing dan memotivasikan saya sehingga saya berjaya mengharungi segala cabaran yang ditempuhi dalam penulisan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak penaja, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberikan peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat kedoktoran. Begitu juga kepada seluruh warga perpustakaan Universiti Putra Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang membantu saya memperoleh bahan-bahan kajian yang diperlukan.

Sekalung penghargaan juga saya ucapkan kepada Dr. Idris Mansor, Dr. Mat Nawi bin Mat Jusoh, Dr. Khairul Anwar Abu Othman, Dr. Abdul Rahman dan Puan Hajah Zaitun bin Abdul Rahman yang turut meluangkan masa dan tenaga membaca dan meneliti sampel kajian dan analisis data yang dilakukan. Idea dan komentar yang diberikan sememangnya sangat bernas dan tuntas serta mampu meningkatkan kualiti kajian ini.

Terima kasih seikhlasnya saya rakamkan kepada bonda tersayang, Fauziah binti Mohd yang sentiasa menitipkan doa demi kejayaan saya di dunia dan akhirat, terutamanya dalam penulisan kajian ini. Buat almarhum ayahanda, Mohd Yasin bin Abdullah, saya ingin nyatakan bahawa saya telahpun merealisasikan harapan murni ayahanda.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri tercinta, Asmawani binti Abdul Wahab yang sama-sama mengharungi suatu perjalanan yang mencabar dan sanggup berkorban sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Buat anakanda yang dikasihi, Syifa al-Hanani, Badrina al-Mursyida, Rania al-Huda dan



Dhiya' al-Hana, ayuh jadikanlah perjalanan akademik ayahanda sebagai pembakar semangat anakanda untuk terus cemerlang pada masa hadapan.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada semua sahabat, rakan dan semua pihak yang memberi sumbangan dalam menyiapkan kajian ini. Senarai nama yang panjang ini pastinya tidak dapat saya zahirkan satu demi satu di sini.

Sesungguhnya, hanya Allah SWT yang mampu membalas jasa anda semua. Akhir kata, saya berharap agar kajian saya ini meraih pengiktirafan oleh Allah SWT sebagai amalan kebajikan saya dan akhirnya memberikan sumbangan yang bermakna kepada pemerkasaan terjemahan teks kudus, khususnya al-Quran al-Karim.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

**Syed Nurulakla bin Syed Abdullah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Sukki bin Othman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Nik Farhan bin Nik Mustapha, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya mengakui bahawa;

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Badrul Hisyam Bin Mohd Yasin (GS42599)

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyeliaan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Syed Nurulakla b Syed Abdullah

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Mohd Sukki b Othman

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Nik Farhan binti Mustapha

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xix
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xx
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Terjemahan Al-Quran ke Bahasa Melayu di Malaysia	3
1.2.2 Kata Kerja dalam al-Quran	4
1.2.3 Jurang Leksikal	5
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Soalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Batasan Kajian	11
1.7.1 Bidang Kajian	12
1.7.2 Bahan Kajian	12
1.7.3 Data Kajian	12
1.8 Definisi Operasional	13
1.8.1 Penterjemahan al-Quran	13
1.8.2 Pola <i>Af'ala</i>	13
1.8.3 Jurang Leksikal	13
1.9 Kesimpulan	14
<b>2 TINJAUAN PERSURATAN</b>	
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Kajian Berkaitan dengan Penterjemahan al-Quran	15
2.2.1 Konsep Terjemahan al-Quran	16
2.2.2 Cabaran dalam Penterjemahan Item Leksikal al-Quran	18
2.2.3 Pendekatan Penterjemahan Item Leksikal al-Quran	22
2.3 Kajian Berkaitan dengan Pola <i>Af'ala</i>	25
2.3.1 Pembentukan Pola <i>Af'Ala</i>	26
2.3.2 Makna Kata Kerja Pola <i>Af'ala</i>	26
2.3.3 <i>Ijāz</i> Kata Kerja al-Quran Pola <i>Af'ala</i>	29
2.4 Kajian Berkaitan dengan Jurang Leksikal dalam Terjemahan	31
2.4.1 Definisi Jurang Leksikal	32
2.4.2 Konsep Jurang Leksikal dalam Terjemahan	32

2.4.3	Faktor Pencetus Jurang Leksikal dalam Terjemahan	36
2.4.4	Pendekatan Terjemahan Bagi Menangani Jurang Leksikal	40
2.5	Kajian Lepas berkaitan dengan Jurang Leksikal dalam Terjemahan al-Quran	43
2.6	Kesimpulan	46
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.3	Bahan Kajian	51
3.4	Rangka Kerja Konseptual	52
3.4.1	Model Jurang Leksikal dalam Terjemahan Ping (2005)	52
3.4.2	Pendekatan Terjemahan Perkataan dan Konsep Darwish (2010)	54
3.4.3	Teknik Terjemahan Intervensi Darwish (2010)	55
3.5	Pengumpulan dan Pensampelan Data	63
3.5.1	Proses Pengumpulan Data	63
3.5.2	Proses Pensampelan Data	63
3.6	Analisis Data	67
3.6.1	Pengekodan Data	69
3.6.2	Interpretasi Data	71
3.6.3	Penjanaan Rumusan	74
3.7	Kesahan Kajian	74
3.8	Kesimpulan	76
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	77
4.2	Pengenalpastian Bentuk Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola <i>Afala</i>	77
4.2.1	Kelompangan Konsep	79
4.2.2	Ketiadaan Ungkapan	80
4.2.3	Perbezaan Makna Denotasi	83
4.2.4	Pencapaian Makna Konotasi	90
4.3	Perbandingan Teknik Terjemahan untuk Menangani Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola <i>Afala</i> ke bahasa Melayu	94
4.3.1	Perbandingan Teknik Terjemahan untuk Menangani Kelompangan Konsep	95
4.3.2	Perbandingan Teknik Terjemahan untuk Menangani Ketiadaan Ungkapan	98
4.3.3	Perbandingan Teknik Terjemahan untuk Menangani Perbezaan Makna Denotasi	103
4.3.4	Perbandingan Teknik Terjemahan untuk Menangani Pencapaian Makna Konotasi	109
4.4	Huraian Impak Terjemahan Kata Kerja al-Quran Pola <i>Afala</i> Berjurang Leksikal Terhadap Mesej al-Quran	115
4.4.1	Teknik Pengembangan Merungkaikan Konsep yang Kompleks	117

4.4.2	Teknik Pengembangan Menyampaikan Mesej al-Quran Secara Ringkas dan Padat	123
4.4.3	Teknik Pengembangan serta Gabungan Teknik Pinjam Terjemah dan Apositif Menjelaskan Fundamental Terminologi Islamik	125
4.4.4	Teknik Pengembangan serta Gabungan Teknik Pinjam Terjemah dan Apositif Menjelaskan Makna Denotasi Sebenar Kata Kerja al-Quran	130
4.4.5	Teknik Pengembangan serta Gabungan Teknik Pinjam Terjemah dan Apositif Menjelaskan Makna Konotasi Kata Kerja al-Quran	134
4.4.6	Teknik Gantian Modulasi serta Gabungan Teknik Pinjam Terjemah dan Apositif Mengekalkan Kesantunan Bahasa al-Quran	141
4.4.7	Teknik Pengembangan Menghasilkan Mesej yang Kurang Dramatik	143
4.4.8	Terjemahan Pengembangan Menghasilkan Mesej Secara Berlebihan yang Dipengaruhi Cerita <i>Isrā'iliyyāt</i>	147
4.4.9	Teknik Penyilangan Menyebabkan Kehilangan Makna Kata Kerja al-Quran	151
4.4.10	Teknik Pinjam Terjemah Menyebabkan Kehilangan Makna Kata Kerja al-Quran	159
4.4.11	Perbezaan Teknik Terjemahan Mengakibatkan Mesej yang Tidak Setara	161
4.4.12	Kepelbagaian Teknik Terjemahan Berisiko Mengelirukan Kefahaman Terhadap Terminologi Islamik	166
4.4.13	Kepelbagaian Teknik Terjemahan Menghasilkan Mesej al-Quran yang Tidak Tekal	175
4.5	Kesimpulan	181
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN PENUTUP</b>	
5.1	Pendahuluan	182
5.2	Rumusan Berdasarkan Objektif	182
5.2.1	Rumusan Bentuk Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola <i>Af'ala</i>	182
5.2.2	Rumusan Perbandingan Teknik Terjemahan untuk Menangani Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola <i>Af'ala</i> ke bahasa Melayu	185
5.2.3	Rumusan Impak Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola <i>Af'ala</i> Berjurang Leksikal Terhadap Mesej al-Quran	187
5.3	Rumusan Secara Holistik	189
5.4	Dapatan Sisipan	192
5.5	Implikasi Kajian	193
5.5.1	Implikasi dari Aspek Teori	193
5.5.2	Implikasi Terhadap Pengamal Terjemahan	194
5.6	Cadangan Kajian Lanjut	194
5.7	Penutup	195

<b>BIBLIOGRAFI</b>	197
<b>LAMPIRAN</b>	206
<b>BIODATA PELAJAR</b>	223
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	225





## SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman	
1	Taburan Kata Kerja dalam al-Quran	5
2	Pembentukan Kata Kerja Pola <i>Af'ala</i>	26
3	Jurang Leksikal antara Bahasa Tzeltal dengan Bahasa Inggeris	39
4	Contoh Teknik Teknik Terjemahan Apositif	58
5	Contoh Teknik Pengurangan dan Pengembangan	59
6	Contoh Teknik Terjemahan Eksplisit	60
7	Komponen Makna <i>أَسْرَى</i> dan <i>أَفَاضَ</i> , <i>أَزْجَى</i>	85
8	Item Leksikal yang Menunjukkan Makna Mendengar dalam Bahasa Arab	86
9	Penterjemahan Kata Kerja <i>آلَى</i>	95
10	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَنَابَ</i>	96
11	Rumusan Perbandingan Pengaplikasian Teknik Terjemahan untuk Menangani Kelompangan Konsep	97
12	Aplikasi Teknik Pengembangan bagi Menangani Ketiadaan Ungkapan	99
13	Aplikasi Teknik Penyilangan bagi Menangani Ketiadaan Ungkapan	99
14	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَسَامَ</i>	100
15	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَسْلَمَ</i>	101
16	Rumusan Perbandingan Pengaplikasian Teknik Terjemahan untuk Menangani Ketiadaan Ungkapan	103
17	Aplikasi Teknik Pengembangan bagi Menangani Perbezaan Makna Denotasi	104
18	Aplikasi Teknik Penyilangan bagi Menangani Perbezaan Makna Denotasi	105
19	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَمْسَى</i>	106
20	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَقْضَى</i>	106
21	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَزْجَى</i>	107
22	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَفَاضَ</i>	108
23	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَنْزَلَ</i>	108
24	Rumusan Perbandingan Pengaplikasian Teknik Terjemahan untuk Menangani Perbezaan Makna Denotasi	109
25	Aplikasi Teknik Pengembangan bagi Menangani Menangani Pencapahan Makna Konotasi	110
26	Aplikasi Gabungan Teknik Pinjam Terjemah dan Apositif bagi Menangani Pencapahan Makna Konotasi	110
27	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَثَابَ</i>	112
28	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَصْبَحَ</i>	112
29	Penterjemahan Kata Kerja <i>أَنْسَ</i>	113

30	Rumusan Perbandingan Pengaplikasian Teknik Terjemahan untuk Menangani Pencapahan Makna Konotasi	113
31	Perbezaan Makna الإِنْصَاتُ, الاسْتِمَاعُ, السَّمْعُ dan الإنصاف	118
32	Elemen Makna dalam Terjemahan Kata Kerja أَحَبَّتْ	127
33	Elemen Tatabahasa bagi Kata Kerja أَبْصَرَ	132
34	Analisis Komponen Sintaksis Kata Kerja أَبْسَلُوا	155



## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Komponen Makna Konotasi	20
2	Model Jurang Leksikal dalam Terjemahan Coste (2013)	33
3	Model Jurang Leksikal dalam Terjemahan oleh Darwish (2010)	34
4	Model Jurang Leksikal dalam Terjemahan al-Ghazalli (2010)	35
5	Komponen Kata Kerja أَجْرَمَ	39
6	Model Jurang Leksikal Ping (2005)	52
7	Pendekatan Terjemahan Perkataan dan Konsep Darwish (2010)	55
8	Teknik Penterjemahan Intervensi Darwish (2010)	56
9	Rangka Kerja Konseptual Kajian	62
10	Carta Alir Pengumpulan dan Pensampelan Data	66
11	Hubungan antara Kajian Kes dalam Terjemahan dengan Analisis Kandungan	67
12	Proses Analisis Kandungan	68
13	Taksonomi Objektif Pertama	70
14	Taksonomi Objektif Kedua	71
15	Taksonomi Objektif Ketiga	71
16	Pelabelan Surah dan Ayat al-Quran	73
17	Bentuk Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola <i>Af'ala</i>	78
18	Peratusan Bentuk Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola <i>Af'ala</i> ke Bahasa Melayu	93
19	Teknik Terjemahan untuk Menangani Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran ke bahasa Melayu	94
20	Peratusan Teknik Terjemahan yang Diamalkan oleh TPR untuk Menangani Jurang Leksikal	114
21	Peratusan Teknik Terjemahan yang Diamalkan oleh QMMT untuk Menangani Jurang Leksikal	115
22	Impak Terjemahan Kata Kerja al-Quran Pola <i>Af'ala</i> Berjurang Leksikal Terhadap Mesej al-Quran	116
23	Penterjemahan Kata Kerja أَنْصَتَ	117
24	Penterjemahan Kata Kerja أُسْرِيَ (1)	119
25	Penterjemahan Kata Kerja أُسْرِيَ (2)	121
26	Penterjemahan Kata Kerja أُسْرِيَ (3)	122
27	Penterjemahan Kata Kerja أُبْلِسَ	124
28	Penterjemahan Kata Kerja أَحْبَبْتَ	126
29	Penterjemahan Kata Kerja أَلَى	129

30	Penterjemahan Kata Kerja أَبْصَرَ	131
31	Penterjemahan Kata Kerja أَمْسَى	133
32	Penterjemahan Kata kerja أَنْعَضَ	135
33	Penterjemahan Kata Kerja أَفْطَرَ	137
34	Analisis Terjemahan وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا	138
35	Penterjemahan Kata Kerja أَرَبَى	139
36	Penterjemahan Kata Kerja أَقْضَى	142
37	Penterjemahan Kata Kerja أَجَاءَ	144
38	Penterjemahan Kata Kerja أَنْسَ	146
39	Penterjemahan Kata Kerja أَنْقَلَ	148
40	Penterjemahan Kata Kerja أَحْكَمَ	152
41	Penterjemahan Kata Kerja أَبْسَلَ	154
42	Penterjemahan Kata Kerja أَتَحَنَ	156
43	Penterjemahan Kata Kerja أَثَابَ	158
44	Penterjemahan Kata Kerja أَقَاضَ	160
45	Penterjemahan Kata Kerja أَصْبَحَ	162
46	Penterjemahan Kata Kerja أَنْزَلَ	164
47	Penterjemahan Kata kerja أَنْابَ (1)	167
48	Penterjemahan Kata Kerja أَنْابَ (2)	168
49	Penterjemahan Kata Kerja أَنْابَ (3)	170
50	Penterjemahan Kata Kerja أَسْلَمَ (1)	172
51	Penterjemahan Kata Kerja أَسْلَمَ (2)	173
52	Penterjemahan Kata Kerja أَسْلَمَ (3)	175
53	Penterjemahan Kata Kerja أَرْجَى	176
54	Penterjemahan Kata Kerja أَرْجَى (2)	178
55	Penterjemahan Kata Kerja أَسَامَ	179

## JADUAL TRANSLITERASI

### A. Konsonan:

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	ʿ
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	هـ	h
س	s	ء	'
ش	sh	و	w
ص	ṣ	ي	y
ض	ḍ	ة	ah*

- Ditransliterasikan sebagai “at” dalam konteks gabungan dua perkataan.

### B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	ā	اي	ay
و	i	و	ī	او	aw
ي	u	ي	ū		

## SENARAI SINGKATAN

AS	°Alaihi al-Salām
IPG KPI	Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri
NCAL	Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab
Ph.D.	Doktor Falsafah
QMMT	al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan
SAW	Ṣallā Allah °Alayhi wa Sallama
SWT	Subḥānahu wa Ta°ālā
TPR	Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Pendahuluan

Firman Allah SWT dalam Surah al-Zukhruf 43: 44:

﴿وَأِنَّهُ لَذِكْرٌ لَّكَ وَلِقَوْمِكَ وَسَوْفَ تُسْأَلُونَ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya al-Quran merupakan kemuliaan dan peringatan kepadamu (wahai Muhammad SAW) serta kaummu, dan kamu akan ditanya kelak (tentang isi kandungannya yang kamu telah amalkan)

Ayat di atas menjelaskan hakikat dan kepentingan al-Quran kepada umat manusia. Al-Quran bukan sahaja satu kemuliaan kepada Nabi Muhammad SAW dan bangsa Arab kerana ia diturunkan dalam bahasa Arab, bahkan al-Quran juga merupakan wahyu Allah SWT sebagai pedoman hidup yang menuntun manusia ke arah akidah yang lurus, syariat yang sah dan akhlak yang mulia. Segala ajaran yang terkandung dalamnya perlu diamalkan dan akan dipersoalkan oleh Allah pada hari akhirat kelak.

Berpaksikan hakikat ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memastikan bahawa mesej Allah SWT ini disampaikan ke seantero dunia, termasuk kepada bukan penutur jati bahasa Arab. Antara prakarsa yang telah dilaksanakan dan masih rancak dilakukan ialah penterjemahan al-Quran. Al-Quran telah diterjemahkan kepada pelbagai bahasa termasuklah bahasa Melayu. Penterjemahan al-Quran merupakan tugas yang berat dan mencabar kerana al-Quran bukan karya manusia dan bukan pula buku cerita atau puisi tetapi kalam Allah SWT (Muchlis, 2011).

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan perkara fundamental yang dapat memberikan gambaran umum tentang kajian ini. Perkara-perkara tersebut meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Terjemahan merupakan satu konsep yang luas, yang boleh didefinisikan dari pelbagai dimensi. Shuttleworth dan Cowie (1997) mendefinisikan terjemahan dari dimensi proses dan juga produk. Proses ini merangkumi pemindahan maklumat daripada teks sumber kepada teks sasaran sama ada dalam bentuk terjemahan *intralingual* dan juga terjemahan *interlingual*. Manakala produk merujuk teks terjemahan dihasilkan oleh para penterjemah.

Dalam ilmu terjemahan dan interpretasi, terjemahan juga merujuk proses pemindahan mesej daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran (Catford, 1965; Nida, 1965; House, 1977; Newmark, 198; Bell, 1991, Khalūsi, 2000; ‘Inānī, 2003; Hatim dan Munday, 2004; Darwish, 2010) dan produk terjemahan (‘Inānī, 2003; Hatim dan Munday, 2004; Darwish, 2010). Proses pemindahan mesej daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran perlu dilakukan secara berseni supaya kesan teks asal dapat dirasai oleh pembaca teks terjemahan (Khalūsi, 1982).

Darwish (2010) menjelaskan bahawa proses terjemahan bersifat dikotomi, kumulatif dan berulang-ulang (*iterative*). Proses ini bersifat dikotomi kerana proses terjemahan merupakan proses yang melibatkan dua bahasa yang berbeza dari aspek sistem bahasa, budaya dan juga bentuk tulisannya. Proses ini bersifat kumulatif kerana ilmu pengetahuan yang diperoleh ketika menterjemahkan sesuatu teks dapat membantu dan boleh diaplikasikan dalam teks yang lain. Proses ini bersifat berulang-ulang kerana setiap penterjemahan yang dilakukan perlu dikaji, dianalisis dan diteliti berulang kali sebelum penterjemahan hasil tersebut diterima.

Hatim dan Munday (2004) merumuskan bahawa aspek terjemahan merangkumi proses pemindaan teks bertulis oleh seseorang atau lebih penterjemah daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dalam konteks sosiobudaya yang khusus, produk bertulis atau teks sasaran, yang terhasil daripada proses terjemahan dan dapat berfungsi dalam konteks sosiobudaya teks sasaran dan fenomena linguistik, visual, budaya dan ideologi yang merupakan sebahagian daripada dua perkara yang dinyatakan di atas.

Terjemahan dilakukan untuk mentransformasikan ilmu, doktrin, peradaban dan budaya kepada khalayak sasaran. Pelbagai genre telah diterokai oleh penterjemah termasuklah teks kudus. Al-Quran ialah teks kudus bagi umat Islam seluruh dunia.



### 1.2.1 Terjemahan Al-Quran ke Bahasa Melayu di Malaysia

Kajian ini mengupas satu dimensi berkaitan dengan terjemahan al-Quran. Terjemahan al-Quran yang mengemukakan maklumat yang paling autentik dianggap sumbangan terpenting kepada umat manusia dan prakarsa terhebat ke arah merapatkan kefahaman silang budaya (Abdul-Raof, 2001). Pembaca terjemahan al-Quran daripada pelbagai latar budaya akan memahami inti pati ajaran Allah kepada umat manusia demi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Terjemahan al-Quran amat bermanfaat untuk menyebarkan mesej kalam Allah kepada khalayak pembaca, menyedarkan orang bukan Islam tentang realiti dan keindahan agama Islam terutamanya pada zaman yang penuh dengan propaganda jahat yang memburukkan Islam, mempertahankan kesucian Al-Quran daripada pembohongan yang dilakukan oleh musuh Islam dan menyerlahkan keindahan al-Quran dan rahmat Allah kepada manusia. Terjemahan al-Quran menjelaskan mesej al-Quran kepada orang yang tidak memahami bahasa Arab. Terjemahan al-Quran juga dapat meningkatkan keimanan, membuahkan rasa hormat dan menanam kesedaran serta rasa rindu untuk membacanya (al-Bashir, 2015).

Bertitik tolak daripada kepentingan terjemahan al-Quran, para sarjana Islam telah memulakan usaha penterjemahan al-Quran. Peliknya, amalan terjemahan al-Quran di Malaysia bermula dengan terjemahan secara harfiah. Idea terjemahan harfiah ini telah diperkenalkan oleh Muhammad Maadah bin Layang yang dilahirkan di kampung Tengkek, Ulu Jempul, Negeri Sembilan (Mohd. Shukri, 2001). Namun demikian, kaedah terjemahan tersebut kemudiannya telah digantikan dengan terjemahan yang lebih memfokuskan aspek makna (Kasyfullah A. Kadir, Idris Mansor, 2016).

Tokoh yang dianggap sebagai perintis dalam penterjemahan al-Quran ke bahasa Melayu di Malaysia ialah Abdullah bin Haji 'Abbas Nasution, Pengetua Madrasah Ehya' 'Ulum al-Din, Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. Beliau telah menghasilkan terjemahan al-Quran dalam tulisan jawi yang berjudul Quran Bergantung Makna Jawi- Bagi Bacaan Anak-anak Sehari-hari pada tahun 1940-an (Mahsor Yahya, Mazlan Ibrahim & Azmul Fahimi Kamaruzaman, 2011; Mohd. Shukri, 2001).

Usaha menterjemahkan al-Quran terus berkembang di Malaysia. Pada tahun 1968, Bahagian Hal Ehwat Islam di Jabatan Perdana Menteri telah menerbitkan terjemahan al-Quran yang berjudul "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an" (TPR). Karya terjemahan ini telah dimulakan oleh al-Ustaz Faisal bin Haji Othman dan disempurnakan oleh Shiekh Abdullah Basmeih. Tujuan utama karya terjemahan ini adalah untuk menjelaskan maksud ayat al-Quran kepada

khalayak dengan gaya bahasa yang paling mudah supaya khalayak dapat melaksanakan maksud al-Quran dan hukum hakam Allah dalam kehidupan mereka (Sheikh Abdullah, 2013).

Pada tahun 1975, sebuah karya berjudul 'Induk Kamus Pelajaran Menterjemah al-Quran' telah dibukukan oleh Hashim bin Abdul Ghani dan diterbitkan secara rasmi pada 1991 oleh Institut Kursus Terjemahan al-Furqan, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Karya ini mengandungi terjemahan lengkap kosa kata al-Quran secara harfiah (Fadzil, 2007; Mohd. Shukri, 2001).

Pada tahun 1992 pula, Dewan Bahasa Dan Pustaka pula telah menerbitkan terjemahan al-Quran yang bertajuk "Al-Quran Al-Karim, Terjemahan dan Huraian". Karya ini telah dihasilkan oleh Muhammad 'Uthman al-Muhammady melalui penterjemahan naskhah terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris "*The Holy Quran, Translation and Commentary*" oleh 'Abdullah Yusuf 'Ali. Pada tahun 1994, Othman Ali pula telah menyiapkan terjemahannya yang bertajuk "Bacaan" dan telah diterbitkan oleh Omar Brothers Publications (Pte.) Ltd pada 1995. Namun begitu, terjemahan ini telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri kerana terjemahan tersebut tidak disertakan teks Arab, tidak merujuk kitab-kitab tafsir yang muktabar dan mencedok hasil terjemahan Rashad Khalifa yang secara jelas telah menolak hadis Nabi SAW (Mohd. Shukri, 2001).

Pada tahun 2000, Yusoff Zaky bin Haji Yacob berjaya menterjemahkan *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an* yang dikarang oleh Sayyid Qutb. Terjemahan al-Quran ini telah diterbitkan oleh Pustaka Aman Press (Mustaffa Abdullah & Mohd Asmadi Yakob, 2003). Pada tahun 2005, Yayasan Restu pula berjaya menerbitkan cetakan pertama "Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan" (QMMT) (Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan, 2011)

Sehingga kini, pelbagai syarikat penerbitan komersil telah berkecimpung dalam menghasilkan dan menerbitkan terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu di Malaysia seperti Pustaka Darul Iman, Telaga Biru, Karya Bestari, Humaira Trading & Distribution dan al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.

### **1.2.2 Kata Kerja dalam al-Quran**

Aspek terjemahan al-Quran yang dikaji mempunyai kaitan dengan terjemahan kata kerja al-Quran. Kata kerja ialah elemen penting dalam ilmu bahasa Arab serta ilmu al-Quran dan hadis. Ibn al-Qūtiyyah (2003) menjelaskan bahawa kata kerja merupakan elemen yang penting dalam struktur ayat bahasa Arab dan kefahaman

secara mendalam mengenainya diperlukan untuk menguasai ilmu-ilmu bahasa Arab termasuklah untuk memahami al-Quran dan hadis Nabi SAW.

Statistik yang dilakukan oleh al-Sayyid (2004) menunjukkan terdapat sejumlah 1469 kata kerja di 19171 tempat dalam al-Quran. Taburan kata kerja dalam al-Quran dapat dijelaskan menerusi jadual yang berikut:

**Jadual 1: Taburan Kata Kerja dalam al-Quran**

<b>Pola Kata Kerja</b>	<b>Jumlah Kata Kerja</b>	<b>Jumlah Pengulangan</b>
<i>al-Thulāthī al-Mujarrad</i>	644	12273
<i>al-Rubāʿī al-Mujarrad</i>	1	2
<i>al-Thulāthī al-Mazīd</i>		
1. Pola <i>afʿala</i>	263	3391
2. Pola <i>faʿʿala</i>	172	1316
3. Pola <i>iftaʿʿala</i>	99	861
4. Pola <i>tafaʿʿala</i>	88	437
5. Pola <i>istafaʿʿala</i>	71	367
6. Pola <i>fāʿʿala</i>	64	340
7. Pola <i>tafāʿʿala</i>	40	105
8. Pola <i>infaʿʿala</i>	15	51
9. Pola <i>ifʿʿalla</i>	2	5
<i>al-Rubāʿī al-Mazīd</i>		
a. Pola <i>ifʿʿalalla</i>	3	11
<b>Jumlah</b>	<b>1469</b>	<b>19171</b>

Jadual 1 menunjukkan bahawa empat bentuk kata kerja ditemukan dalam al-Quran, iaitu kata kerja *al-thulāthī al-mujarrad* (trilateral dasar), kata kerja *al-thulāthī al-mazīd* (trilateral berimbunan), kata kerja *al-rubāʿī al-mujarrad* (quadrilateral dasar) dan kata kerja *al-rubāʿī al-mazīd* (quadrilateral berimbunan). Kata kerja trilateral berimbunan merupakan bentuk kata kerja yang paling banyak ditemukan dalam al-Quran dan pola *afʿala* pula merupakan pola yang paling banyak ditemukan.

### 1.2.3 Jurang Leksikal

Jurang leksikal merupakan fenomena bahasa yang berkaitan dengan konsep ketidakwujudan perkataan. Fenomena ini dikaji dari dua perspektif, iaitu semantik struktural dan terjemahan. Sarjana semantik struktural menganalisis ketidakwujudan item leksikal yang berlaku dalam medan makna dalam sesuatu bahasa. Sarjana terjemahan pula memfokuskan perkataan yang tiada padanan tepat secara satu lawan satu (*word-for-word*) antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran (Coste, 2013).

Kajian berkaitan dengan jurang leksikal dari sudut semantik struktural telah dipelopori oleh Chomsky dan Halle pada tahun 1965. Kedua-dua tokoh sarjana linguistik ini telah membezakan antara dua bentuk jurang leksikal yang dikenali sebagai *accidental gaps* dengan *systematic gaps*. Chomsky dan Halle (1965) menjelaskan bahawa *accidental gaps* ialah kemampuan gabungan huruf alfabet untuk membentuk perkataan, manakala *systematic gaps* pula merujuk ketidakwujudan perkataan untuk mengungkap sesuatu makna (Janssen, 2012).

Kajian berkaitan dengan jurang leksikal telah dikembangkan oleh Adrienne Lehrer (1970), iaitu sarjana semantik melalui artikel yang bertajuk "*Notes on Lexical Gaps*". Beliau telah memfokuskan jurang leksikal dari aspek semantik. Walaupun begitu, (Lehrer, 1974) telah menyenaraikan 4 topologi jurang leksikal, iaitu:

1. *Morpheme gap* yang bermaksud kemampuan gabungan huruf untuk membentuk perkataan berdasarkan teori fonologi. Topologi ini telah dibincangkan terdahulu oleh Chomsky dan Halle (1965) dan mereka menamainya sebagai *accidental gap*.
2. *Paradigm gap* yang bermaksud ketidakwujudan aspek tunggal atau jamak bagi sesuatu perkataan. Contohnya, perkataan *scissors* tidak mempunyai kata tunggal.
3. *Derivational gap* yang bermaksud perkataan yang wajar digabungkan dengan imbuhan tertentu berdasarkan kaedah bahasa tetapi tidak diterima oleh penutur bahasa tersebut. Contohnya, gabungan "re" dan "get" untuk membentuk perkataan "reget" ditolak oleh penutur bahasa Inggeris.
4. *Semantic gap* yang merujuk ketidakwujudan sesuatu perkataan untuk mengungkap sesuatu makna dalam medan makna tertentu.

Dalam bidang terjemahan pula, jurang leksikal menjurus kepada kajian berkaitan dengan *semantic gaps*. Tokoh yang mempelopori bidang ini ialah Vinay dan Dalbernet (1995). Vinay dan Dalbernet (1995) telah menggunakan terma *lacunae* bagi merujuk makna jurang leksikal. *Lacunae* berasal daripada perkataan latin *lacuna* yang bermaksud jurang. Vinay & Darbelnet (1995) menjelaskan bahawa item leksikal dalam bahasa sumber memiliki jurang tertentu dan jurang ini tidak semestinya wujud dalam bahasa sasaran. Oleh itu, penterjemah perlu memberikan perhatian dan berwaspada dengan fenomena ini.

Sesetengah sarjana terjemahan tidak menyerlahkan istilah jurang leksikal dalam kajian terjemahan mereka. Mereka menganggap jurang leksikal adalah sebahagian daripada isu padanan dan ketidakpadanan dalam terjemahan seperti yang dibincangkan oleh Catford (1965), Baker (1992), Larson (1998), Armstrong (2005) dan lain-lain. Namun begitu, tokoh dan pengamal terjemahan, iaitu Darwish (2010) menggunakan istilah jurang leksikal dalam terjemahan ketika membincangkan fenomena ini. Beliau telah mengemukakan model jurang leksikal dalam terjemahan

dan teknik untuk mengatasi jurang leksikal dalam terjemahan menerusi karya beliau yang bertajuk “*Elements of Translation*”.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Analisis kontrastif antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran menemukan pelbagai bentuk idiosinkrasi. Bentuk-bentuk idiosinkrasi ini meliputi ketidakpadanan yang disebabkan oleh perbezaan aspek sintaksis, leksikal, makna konotasi dan makna denotasi. Idiosinkrasi ini membawa kepada wujudnya jurang leksikal (Bentavogli & Pianta, 2000; al-Utbi, 2011). Dalam bidang penterjemahan, fenomena ini berlaku apabila item leksikal dalam bahasa sumber tidak mempunyai padanan tepat yang menggunakan satu item leksikal dalam bahasa sasaran (Bentavogli & Pianta, 2000; Ping, 2005; Darwish, 2010; Saadatmanesh, 2013).

Kajian yang mengkhususkan jurang leksikal dalam bidang penterjemahan al-Quran masih berada dalam skala yang sederhana. Kajian-kajian ini dilaksanakan mulai tahun 2010 dan ke atas. Aspek yang dikaji merangkumi penterjemahan istilah berkaitan dengan syurga dalam al-Quran (al-Nasser, 2010), penterjemahan istilah hari kiamat dalam al-Quran (Obaid, 2011) dan kata bantu *kāda* (al-Utbi, 2011). Terdapat juga kajian yang hanya menganalisis beberapa data secara rawak bagi meneliti strategi yang digunakan untuk menangani jurang leksikal dalam terjemahan seperti kajian yang dilakukan al-Ghazzali (2010) dan Dazdarevic, Fijuljanin dan Rasteic (2016). Selain itu, terdapat juga kajian yang meneliti isu jurang leksikal secara tidak langsung, seperti kajian yang dilakukan Arnida, Sulhah & Lubna (2017) yang bertajuk “Aspek Semantik Dalam Penterjemahan Unsur Budaya ke Bahasa Melayu; Kajian dalam Surah al-Baqarah” yang meneliti aspek jurang leksikal yang dicituskan oleh faktor budaya.

Walaupun demikian, kajian yang menumpukan aspek jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran belum dilakukan secara berfokus, sedangkan kata kerja merupakan komponen penting dalam al-Quran dan ditemukan sebanyak 1469 patah kata kerja di 19171 tempat dalam al-Quran. Kefahaman yang mendalam terhadap makna kata kerja merupakan prasyarat untuk memahami al-Quran (Ibn al-Qūtiyyah, 2003).

Hasil kajian lepas menunjukkan jurang leksikal dalam penterjemahan al-Quran ke bahasa Inggeris bukan hanya berlaku pada tahap semantik leksikal yang merangkum terminologi fekah dan akidah, bahkan juga melampaui tahap morfoleksikal (al-Ghazzali, 2010). Ini membuktikan jurang leksikal boleh berlaku disebabkan faktor semantik dan morfologi. Selain itu, jurang leksikal dalam

terjemahan berlaku disebabkan oleh perbezaan budaya antara bahasa al-Quran dengan bahasa sasaran (al-Ghazzali, 2010; Dazdarevic et al., 2016).

Hasil kajian lepas juga menunjukkan bahawa pendekatan terjemahan seperti teknik pinjam terjemah, transliterasi (al-Ghazzali, 2010; Dazdarevic et al., 2016) dan penerangan (al-Ghazzali, 2010) merupakan teknik yang digunakan untuk mengatasi jurang leksikal dalam penterjemahan al-Quran ke bahasa Inggeris. Kajian-kajian yang telah dilakukan mengemukakan teknik yang sesuai untuk mengatasi jurang leksikal, namun begitu teknik yang dikemukakan ini berlandaskan data yang terhad yang dipilih secara rawak tanpa memfokuskan terjemahan kata kerja al-Quran. Selain itu, kajian-kajian ini tidak merincikan impak teknik terjemahan yang dipilih terhadap makna al-Quran.

Selain itu, kajian berkaitan jurang leksikal dalam terjemahan yang dilakukan telah melibatkan pelbagai domain bahasa, termasuklah domain bahasa Arab-Inggeris (al-Ghazzali, 2010; Al-Nasser, 2010; Obaid, 2011; al-Utbi, 2011; Dazdarevic et al., 2016), Inggeris-bahasa Parsi (Rahimkhani & Salmani, 2013; Tabrizi & Pezeshki, 2015), bahasa Mandarin-Inggeris (Ping, 2005), bahasa Yakut-Inggeris (Nakhidkina, 2013), bahasa Romania-Inggeris (Coste, 2013) dan bahasa Inggeris-Rusia (Vladimirovna, Peretochkina & Valieva, 2016). Namun begitu, pengkaji belum menemukan kajian yang memfokuskan fenomena ini dalam domain terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu.

Sorotan persuratan yang dikemukakan menunjukkan kelompangan dalam kajian lepas yang berkaitan dengan jurang leksikal dalam penterjemahan al-Quran masih wujud, iaitu:

1. Kajian berkaitan dengan jurang leksikal yang memfokuskan penterjemahan kata kerja al-Quran ke bahasa Melayu dari aspek bentuk jurang leksikal dan teknik terjemahan masih berkurangan.
2. Kajian yang membincangkan impak terjemahan kata kerja berjurang leksikal terhadap mesej al-Quran belum diterokai secara rinci.

Sehubungan dengan itu, isu jurang leksikal ini telah mendapat perhatian yang serius oleh para sarjana dan pengkaji bidang terjemahan. Vinay dan Darbelnet (1995) menyatakan bahawa penterjemah perlu berwaspada apabila menangani jurang leksikal dalam penterjemahan. Mollanazar pula menjelaskan bahawa jurang leksikal yang wujud boleh mendatangkan masalah kepada penterjemah (Tabrizi & Pezeshki, 2015). Hal ini disebabkan oleh kesukaran yang dicituskan oleh jurang leksikal ini yang menghalang proses mendapatkan padanan makna dalam bahasa sasaran, sama ada dalam terjemahan teks sastera (Nakhidkina, 2013; Rahimkhani & Salmani, 2013; Vladimirovna, Peretochkina & Valieva, 2016) serta teks teknikal dan saintifik (al-Ghazzali, 2010; Coste, 2013; Rahimkhani & Salmani, 2013).

Jurang leksikal menjadi cabaran besar dan mencetuskan kesukaran dalam penterjemahan al-Quran. Kesukaran penterjemahan yang disebabkan oleh jurang leksikal berlaku kerana kekayaan dan keunikan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran serta ditambah pula oleh keterbatasan bahasa sasaran dan ketidakpadanan makna bagi beberapa leksikal keagamaan antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Pemilihan teknik terjemahan yang tidak sesuai boleh menyebabkan mesej al-Quran tidak dapat disampaikan dengan sempurna kepada khalayak pembaca. Penterjemahan item leksikal al-Quran berjurang leksikal secara literal gagal menyampaikan makna item tersebut yang sebenar. Inilah masalah kajian yang difokuskan dan ditangani oleh tesis ini.

Fenomena jurang leksikal dalam terjemahan yang berlaku memerlukan teknik yang tuntas untuk menanganinya. Aspek linguistik, budaya, konteks dan stilistik memainkan peranan yang penting ketika penterjemahan item leksikal berjurang leksikal dilakukan. Penterjemah bukan sahaja perlu mengeksplicitkan makna yang implisit, bahkan perlu juga menjelaskan makna konotasi item leksikal berjurang leksikal dalam penterjemahan.

Berdasarkan kewujudan fenomena jurang leksikal dalam penterjemahan al-Quran, kesukaran menangani jurang leksikal dalam penterjemahan al-Quran bagi menyampaikan mesej al-Quran, serta wujudnya kelompangan yang ketara dalam domain terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu, maka satu kajian yang mengenal pasti bentuk jurang leksikal dalam penterjemahan item leksikal al-Quran, meneliti teknik yang digunakan dalam penterjemahan item leksikal al-Quran ke bahasa Melayu dan membincangkan impak penterjemahan item leksikal berjurang leksikal terhadap mesej kata kerja al-Quran adalah amat wajar dilakukan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam usaha untuk membincangkan aspek jurang leksikal dalam penterjemahan pola kata kerja dalam al-Quran ke bahasa Melayu, pengkaji telah menggariskan tiga objektif utama untuk direalisasikan, iaitu:

1. Menenal pasti bentuk jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu dalam “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an” dan “Al-Qur’an Mushaf Malaysia dan Terjemahan” berdasarkan Model Jurang Leksikal Ping (2005).
2. Membandingkan teknik terjemahan yang digunakan bagi menangani jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu dalam “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an” dan “Al-Qur’an Mushaf Malaysia dan Terjemahan” berdasarkan Teknik Terjemahan Intervensi Darwish (2010).

3. Menghuraikan impak penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* bagi menangani jurang leksikal terhadap mesej al-Quran dalam “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an” dan “al-Qur’an Mushaf Malaysia dan Terjemahan” berdasarkan Pendekatan Terjemahan Perkataan dan Konsep Darwish (2010).

### 1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif yang telah diutarakan, kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Apakah bentuk jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu dalam “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an” dan “Al-Qur’an Mushaf Malaysia dan Terjemahan”?
2. Bagaimanakah “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an” dan “Al-Qur’an Mushaf Malaysia dan Terjemahan” menangani jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu?
3. Bagaimanakah penterjemahan yang digunakan untuk mengatasi jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu memberi impak terhadap mesej al-Quran dalam “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an” dan “Al-Qur’an Mushaf Malaysia dan Terjemahan”?

### 1.6 Kepentingan Kajian

Skop kajian berkaitan dengan penterjemahan al-Quran amat mencapah dan dinamik. Walaupun pelbagai dimensi telah dikaji dan diterokai, namun masih banyak aspek yang boleh diteliti dan diperhalus. Antaranya termasuk masalah jurang leksikal dalam terjemahan. Memandangkan masalah jurang leksikal ini sering merisaukan penterjemah, dan kesannya terhadap penterjemahan adalah signifikan, kajian ini penting untuk dilaksanakan kerana penterjemah perlu merapatkan jurang leksikal menerusi penghasilan padanan yang terbaik agar terjemahan yang dihasilkan mantap dan bermutu (Badrul Hisyam, Syed Nurulakla & Nik Farhan, 2017).

Signifikan kajian ini terserlah pada sumbangan kajian dari sudut teori dan praktikal. Dari sudut teori, kajian ini memberi penekanan terhadap aspek makna item leksikal. Dalam disiplin terjemahan, aspek makna khususnya pada tahap item leksikal perlu diberikan perhatian dan diperhalus (Darwish, 2010). Tanpa pengetahuan yang sahih pada tahap item leksikal, penterjemah mungkin menghasilkan terjemahan yang menjadikan khalayak pembaca kebingungan, terkejut atau ketawa besar (Zubaidah, 2006). Dalam konteks terjemahan al-Quran pula, penterjemahan item leksikal al-



Quran menjadi sulit apabila kata kerja al-Quran tidak mempunyai padanan satu lawan satu yang tepat dalam bahasa sasaran. Fenomena ini diistilahkan oleh para sarjana sebagai jurang leksikal.

Selain itu, kajian ini memberikan penjelasan yang tuntas mengenai konsep jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu, melalui model jurang leksikal dalam terjemahan yang diperkenalkan Ping (2005). Konsep jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu diberikan penjelasan oleh kajian. Kajian juga menjelaskan teknik terjemahan yang lazim digunakan untuk mengatasi fenomena jurang leksikal. Selain itu, kajian juga menjelaskan impak teknik terjemahan yang digunakan terhadap mesej al-Quran.

Dapatan kajian ini juga membantu golongan pengamal terjemahan mengenal pasti jurang leksikal dalam teks yang ingin diterjemahkan. Mengenal pasti bentuk jurang leksikal merupakan asas penting sebelum teknik diatur untuk menanganinya.

Selain itu, amalan terjemahan sedia ada oleh penterjemah al-Quran ke bahasa Melayu serta cadangan terjemahan yang disediakan oleh pengkaji boleh dijadikan pedoman untuk menangani jurang leksikal dalam penterjemahan agar terjemahan yang tepat dan gramatis dapat dihasilkan. Seterusnya kajian berusaha untuk memperkasakan keupayaan penterjemah bagi mencapai tahap kecekapan dan profesionalisme yang tinggi.

Kajian ini juga menjana impak yang meluas terhadap institusi latihan dan bimbingan penterjemah. Hal ini dikatakan demikian kerana fenomena jurang leksikal ini bukan hanya berlaku dalam tek kudus sahaja, bahkan juga meliputi semua jenis teks. Dapatan kajian ini membantu institusi ini dalam menyediakan modul yang berkualiti bagi melahirkan penterjemah yang kompeten dan berprestij.

### **1.7 Batasan Kajian**

Penentuan batasan kajian amat penting untuk memastikan kajian berfokus dan terarah kepada permasalahan yang dikaji. Justeru, aspek bidang kajian, kes kajian dan data kajian dibataskan dalam kajian ini.

### 1.7.1 Bidang Kajian

Kajian ini bertunjangkan bidang terjemahan Arab-Melayu dengan hanya memfokuskan aspek jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af'ala* ke bahasa Melayu. Kajian akan menjawab tiga soalan kajian berkaitan dengan bentuk jurang leksikal, teknik menangani jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran ke bahasa Melayu dan impak penterjemahan itu terhadap mesej al-Quran.

Oleh itu, kajian ini tidak akan mengkaji terjemahan al-Quran ke bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Indonesia. Kajian ini juga tidak akan merincikan isu-isu lain yang berkaitan dengan penterjemahan al-Quran seperti fenomena homonim, sinonim, antonim. Fenomena-fenomena ini hanya akan disentuh secara ringkas jika berkaitan dengan kajian ini.

### 1.7.2 Bahan Kajian

Dari aspek bahan kajian, kajian ini menghadkannya kepada dua karya terjemahan al-Quran sahaja. Pertama, "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an" yang diterjemahkan oleh Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih dan diterbitkan oleh Darul Fikir dengan izin dan kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada tahun 2013 (Cetakan Kedua Puluh Dua). Kedua, "Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan" yang diterjemahkan secara kolektif oleh kakitangan Yayasan Restu berkelulusan pengajian Islam dan bahasa Arab dari universiti-universiti Jordan pada tahun 2011 (Cetakan Keenam). Kedua-dua terjemahan ini telah dipilih kerana kedua-duanya menjelaskan metodologi terjemahan secara rinci dan jelas selain melalui piawai yang ketat dan meraih sambutan yang hangat dalam kalangan masyarakat Melayu.

### 1.7.3 Data Kajian

Data yang dikumpulkan hanya terbatas pada kata kerja al-Quran pola *af'ala* yang mencerminkan fenomena jurang leksikal dan terjemahannya yang terdapat dalam TPR dan QMMT. Pembatasan kepada pola *af'ala* sahaja dilakukan kerana kata kerja pola *af'ala* merupakan kata kerja berimbunan yang paling banyak ditemui dalam al-Quran (al-Sayyid, 2004).

Oleh yang demikian, kajian ini tidak akan membincangkan fenomena jurang leksikal yang terdapat dalam penterjemahan kata kerja al-Quran yang berpola *ifta'ala*, *infa'ala*, *tafa'ala*, *tafa'ala*, *ifta'ala* dan *istafa'ala*.

## 1.8 Definisi Operasional

Dalam subjudul ini, terminologi yang menjadi fokus utama kajian dipilih dan dirincikan bagi memastikannya sejajar dengan perspektif kajian. Terminologi yang dipilih adalah seperti berikut:

### 1.8.1 Penterjemahan al-Quran

Dari sudut istilah, Al-Zarqani (1988) menjelaskan bahawa terjemahan bermaksud pemindahan makna sesuatu kata daripada sesuatu bahasa ke bahasa yang lain dengan menepati seluruh makna eksplisit dan implisit kata tersebut. Takrifan ini menjelaskan bahawa terjemahan ialah aktiviti mencari padanan makna yang sepadan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Tujuan terjemahan adalah untuk menghasilkan satu karya (teks sasaran) yang membawa makna yang sama dengan karya bahasa asing (teks sumber). Dalam kajian ini, penterjemahan al-Quran merujuk usaha-usaha yang dilakukan oleh TPR serta QMMT dalam memindahkan makna dan mesej yang terkandung dalam al-Quran ke bahasa Melayu.

### 1.8.2 Pola *Af'ala*

Dalam kajian ini, pola *af'ala* merujuk kata kerja *thulathī* dengan penambahan satu huruf (ل) pada awal perkataan yang terdapat dalam al-Quran. Kata kerja pola *af'ala* tersebut dan terjemahannya dalam TPR dan QMMT akan diteliti untuk mengenal pasti jurang leksikal, menjelaskan makna kata kerja berjurang leksikal dan teknik terjemahan yang digunakan untuk mengatasi masalah ini.

### 1.8.3 Jurang Leksikal

Jurang leksikal dalam kajian ini merujuk jurang leksikal dalam disiplin ilmu terjemahan. Definisi jurang leksikal dalam kajian ini diadaptasi daripada definisi-definisi yang dikemukakan oleh Vinay dan Darbelnet (1995), Cvilikaite (2006), Darwish (2010) dan Janssen (2012). Jurang leksikal ialah ketidakwujudan item leksikal yang tepat dalam bentuk satu patah perkataan dalam bahasa Melayu untuk menjelaskan sesuatu konsep yang dikemukakan oleh kata kerja al-Quran pola *af'ala* menerusi terjemahan yang terdapat dalam bahasa Melayu.

## 1.9 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan gambaran keseluruhan tentang kajian yang dijalankan. Aspek sejarah penterjemahan al-Quran di Malaysia, kata kerja yang terdapat dalam al-Quran dan pengenalan terhadap kajian berkaitan dengan jurang leksikal diberikan penjelasan yang sewajarnya dalam latar belakang kajian. Kemudian, bab ini mengupas pernyataan masalah dengan menjelaskan kewajaran pelaksanaan kajian ini dan kelompangan kajian lepas yang menjadi asas pemilihan tajuk kajian. Selain itu, objektif dan soalan kajian yang perlu direalisasikan serta dijawab secara tuntas turut dinyatakan. Bab ini juga menjelaskan kepentingan kajian dan batasan kajian dari aspek bidang, kes dan data kajian. Akhirnya, bab ini mengemukakan penjelasan berkaitan dengan definisi operasional yang penting dengan kajian. Bab seterusnya akan meninjau dan merincikan tinjauan persuratan yang relevan dalam bidang dan fokus kajian ini.

## BIBLIOGRAFI

- Al-Qur'an dan Terjemahnya*. (1418H). al-Madīnah al-Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd li Ṭibā'ah al-Muṣhaf al-Syarīf.
- al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan*. (2011). Selangor: Yayasan Restu.
- Abdelaal, N. M. & Sabariah Md Rashid. (2015). Semantic Loss in the Holy Qur'an Translation With Special Reference to Surah al-WāqīAAa (Chapter of The Event Inevitable). *SAGE Journal*, 1-10.
- Abdelwali, M. (2007). The Loss in the Translation of the al-Quran. *Translationjournal*, 11(2). Retrieved 19 April 2015 from <http://www.translationjournal.net/journal/40quran.htm>.
- Abdul Ghalib Yunus, Muhammad Norrudin Abdul Aziz. (2017). *Rumus Tatabasa Bahasa Melayu; Pembentukan Kata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Ghalib Yunus, Muhammad Norrudin Abdul Aziz. (2017). *Rumus Tatabasa Bahasa Melayu; Sintaksis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Ghalib Yunus, Muhammad Norrudin Abdul Aziz. (2017). *Rumus Tatabasa Bahasa Melayu; Golongan Kata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Hamid @ Yusuf bin Yunus. (2010). *Asas Rujukan dalam Bidang Aqidah Islam*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul-Raof, H. (2001). *Qur'an Transalition; Discourse, Texture and Exeegesis*. UK: Curzon Press.
- Abdussalam, A. S. (1999). Tarjamah al-Ma'ānī al-Thāniah fī al-Nuṣūs al-Qur'āniyyah ilā al-Lughah al-Injilīziyyah. *The Translation of Religious Text: Proceeding 7th International Conference on Translation* (pp. 360-385). Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abū Dāud, S. i.-A.-A.-S. (2009). *Sunan Abī Dāud*. Beirut: Dār al-Risālah al-Ālamīyyah.
- Ahmad Sanuwari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Selangor: PTS Publication & Distributors.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2010). *Kamus Simpulan Bahasa*. Selangor: PTS Publishing House.
- Ainon, M. (1994). *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-°Ak, a.-S. K.-R. (1986). *Uṣūl al-Tafāsīr wa Qawā'iduhu*. Beirut: Dār al-Nafā'is.
- Akmal Khuzairy Abd. Rahman. (2016). Perbezaan Status Terjemahan al-Qur'an Berbanding Teks Asalnya dari Perspektif Pengkajian Terjemahan Moden. *Jurnal Penterjemah*, 20-38.
- Ali, A., Brakhw, M. A., Munif Zarirruddin Fikri bin Nordin & Sharifah Fazliyatun Shaik Ismail. (2012). Some Linguistic Difficulties in Translating the Holy Quran from Arabic into English. *International Journal Of Social Science*

- and Humanity*, 2(6), 588-590 al-<sup>o</sup>Alūsh, J. a.-D.-T. (2008). *Aḥkām Tarjamah al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- al-Andalūsī, A. H. (1993). *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīt*. Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- al-Antāqī, M. (t.th). *al-Muḥīt fī Aṣwāt al-<sup>o</sup>Arabīyyah wa Naḥwihā wa Sarfihā*. Beirut: Dār al-Syarq al-<sup>o</sup>Arabī.
- Amran Kasimin. (12 02, 2006). *Bicara Agama*. Retrieved 1 24, 2018, from Utusan Online:  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0212&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_03.htm#ixzz55440GhHs](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0212&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm#ixzz55440GhHs)
- Armstrong, N. (2005). *Translation, Linguistic, Culture: A French-English Handbook*. Toronto: Multilingual Matters LTD.
- Arnida A Bakar, Sulhah Ramli & Lubna Abd Rahman. (2017). Aspek Semantik Dalam Penterjemahan Unsur Budaya ke Bahasa Melayu; Kajian dalam Surah al-Baqarah. *Journal of Arabic Studies and Islamic Civilization*, 4, 18-27.
- al-Aṣfahānī, a.-R. P. (1997). *Mufradāt Alfāz al-Quran*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Asmar, R. (1997). *al-Mu'jam al-Mufaṣṣal fī 'Ilm al-Ṣarf*. Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- al-<sup>o</sup>Āsqalānī, A. i. (1986). *Faḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Dār al-Rayyān li al-Turāth.
- Azani Ismail @ Yaakub (2015). *Penterjemahan Kontekstual Leksikal Qāla dan Derivasinya dalam al-Quran. Tesis Phd*, Universiti Putra Malaysia.
- Azhar Muhammad. (2005). Beberapa Aspek Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa al-Quran. *Jurnal Teknologi*, 61-76.
- Badrul Hisyam, M. (2012). *Penggunaan Wazn Af'ala dan Fa'ala Daripada Judhur Kalimah Yang Sama Dalam al-Quran: Analisis Aspek Dilālah Ṣarfīyyah dan Ijāz Bayanī. Disertasi Sarjana*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badrul Hisyam Mohd Yasin, Syed Nurulakla Syed Abdullah & Nik Farhan Mustapha. (2016). Bentuk Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola Af'ala ke Bahasa Melayu. *Jurnal Penterjemah*, XIX(2), 57-72.
- al-Baghawī, A. M.-H. (1993). *Ma'ālim al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- Baker, M. (1992). *In Other Words : Coursebook on Translation*. London: Routledge.
- al-Bashir, M. A. (2015). *New Theory of The Holy Quran Translation; A Textbook For Advanced University Student if Linguistics and Translation*. Hamburg: Anchor Academic Publication.
- Baxter, P. & Jack, S. (2008). Qualitative Case Study Methodology: Study Design and Implementation for Novice Researchers. *The Qualitative Report*, 13(4), 544-559.
- Bell, R. T. (1991). *Translation anad translating; Theory and Practice*. London: Longman.
- Bentavogli, L. & Pianta, E. (2000). Looking for Lexical Gaps. *Proceedings of the 9th EURALEX International Congress*, (pp. 663-669). Stuttgart, Germany.

- Bowen, G. A. (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Catford, J. (1965). *A Linguistic Theory of Translation: An Essay in Applied Linguistics*. London: Oxford University Press.
- Coste, O. (2013). Lexical Gaps in Romanian From the Perspective of English: The Case of Culinary Verbs. *Romanian Journal of English Studies*, 9(1), 22-29.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry & Research Design; Choosing Among Five Approaches* (ed. 2nd Edition). London: Sage Publication Inc.
- Cvilikaite, J. (2006). Lexical Gaps : Resolution by Functionally Complete Units of Translation. *DARBAI ir DEINOS*, 127-142.
- Cvilikaitė, J. (2007). The Cases of Non-Equivalence between English and Lithuanian: Corpus Based Solution. *KALBOTYRA*, 57(3), 46-55.
- Darwish, A. (2010). *Elements of Translation*. Melbourne: Writescop.
- Daud, M. M. (2008). *Muʿjam al-Furūq al-Dilāliyyah fī al-Qurʿān al-Karīm*. Kaheerah: Dar Ghareeb.
- Dayang Fatimah Awang Chuchu (2009). Norma-Norma Linguistik dalam Terjemahan. *Kelestarian Bidang Penterjemahan* (pp. 348-357). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Dzardarevic, S., Fijuljanin, F. & Rasteic, A. (2016). Investigating Lexical Gaps in Translation of Islamic Terms in The Holy Qur'an. *Islamic Misao*. Retrieved 19 October 2017 from [http://www.academia.edu/27166829/INVESTIGATING\\_LEXICAL\\_GAPS\\_IN\\_TRANSLATION\\_OF.pdf](http://www.academia.edu/27166829/INVESTIGATING_LEXICAL_GAPS_IN_TRANSLATION_OF.pdf)
- Dornyei, Z. (2007). *Research Methods Applied Linguistic; Quantitative, Qualitative and Mixed Mehtodologies*. New York: Oxford University Press.
- al-Darwīsh, M. (1994). *Iʿrāb al-Qurʿān al-Karīm wa Bayānuhu*. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Dickins, J., Hervey, S. & Higgins, I. (2002). *Thinking Arabic Translation*. London & New York: Routledge.
- Eugene A. Nida, Charles R. Taber. (1982). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E.J Brill.
- Fadzil, A. (2007). *Anatomi al-Quran : Mengenai Ilmu, Sejarah & Kandungan*. Selangor: PTS Islamika.
- Farih, K. °. (2008). al-Siāq wa Atharuhu fī Tawjīh al-Maʿāni al-Muʿjamiyyah li al-Alfāz; al-āfʿāl al-Thulāthiyyah Anmūdhajan. *Majallah Abhāth Mīsān*, 1-42.
- Fayrūzābādī, M. a.-D. (1997). *al-Qāmus al-Muḥīt*. Beirut: Dār Ihyāʾ al-Turāth al-ʿArabī.
- al-Ghalāyīnī, M. (1994). *Jāmiʿ al-Durūs al-ʿArabiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-ʿArabiyyah.
- al-Ghazalli, M. F. (2010). Lexical Gaps in Arabic-to-English Translation. *Al-Mustansiriya Journal Of Art*, 52, 1-16.
- Gibbs, G. R. (2007). Analyzing Qualitative Data. In U. Flick, *The SAGE Qualitative Research Kit*. London: Sage.

- El-Hadary, T. H. (2008). *Equivalence and Translatability of Qur'anic Discourse : A Comparative and Analytical Evaluation. Doctoral Thesis*, University of Leed.
- al-Ḥamlāwī, S. (t.th). *Shadha al-ʿUrf fī Fann al-Ṣarf*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfah.
- Handawī, ʿ. a.-H. (2001). *al-Iʿjaz al-Sarfi fī Al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: al-Maktabah al-ʿAsriyyah.
- House, J. (2013). *Penterjemahan*. (H. Haroon, Trans.) Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Bhd.
- House, J. (2016). *Translation as Communication Across Languages and Cultures*. New York: Routledge.
- Ibn ʿAmmār, K. (2014). *al-Tarjamah al-Harfiyyah; Masyākil wa Ḥulūl. Disertasi Sarjana*, Universiti Kasdi Merbah, Ouargla.
- Ibn ʿAqīl, A. (1996). *Sharḥ Ibn ʿAqīl ʿalā Alfīyyah Ibn Mālik*. Beirut-Lubnan: Dār Ihyā' al-Turāth al-ʿArabī.
- Ibn ʿĀshūr, M. a.-T. (1984). *al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dar Shuhnun.
- Ibn ʿAṭīyyah, ʿ. a.-H.-R. (2001). *al-Muḥarrir al-Wajīz fī Tafṣīr al-Qur'ān al-ʿAzīz*. Beirut : Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Fāris, A. a.-H. (1999). *Muʿjam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Hisham, ʿA. Y. (1990). *Nuzḥah al-Taraf fī ʿIlm al-Sarf*. Kaherah: Maktabah al-Zahrā'
- Ibn Hisyām, A. i. (1994). *Syarḥ Qatr al-Nadā wa Ball al-Ṣadā*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Jinnī, A. F. ʿU. (1957). *al-Khaṣāʾiṣ*. Beirut: al-Maktabah al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Kathīr, A. a.-F. (1999). *Tafṣīr al-Qur'ān al-ʿAzīm*. Beirut: Dār al-Jīl.
- Ibn Manzūr, A. a.-F.-D. (1990). *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dār al-Sādir. Beirut: Dār al-Sādir.
- Ibn al-Qūṭīyyah, A. B.-ʿ.-A. (2003). *Kitab al-Afʿāl*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ismail Dahaman. (2016). *Canggihnya Bahasa Melayu; Sistem Pembentukan Ayat: Kalimat Bersusun Ayat Bersantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Istarābādī, a.-S. R.-D.-H. (1982). *Sharḥ Shāfiat Ibn al-Ḥājjib*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Janssen, M. (2004). Multilingual Lexical Databases, Lexical Gaps and SIMuLLDA. *International Journal of Lexicography*, 137-154.
- Janssen, M. (2012). Lexical Gaps. Dalam C. Chappelle (Ed.), *The Encyclopedia of Applied Linguistic* (pp. 3338-3342). Wiley-Blackwell.
- al-Jauharī, I. i. (1987). *al-Ṣiḥāh Tāj al-Lughah wa Ṣiḥāḥ al-ʿArabiyyah*. (A. ʿ.-G. ʿAṭār, Ed.) Beirut: Dār al-ʿIlm li al-Malāyīn.
- al-Jauziyyah, I. Q. (1996). *Madārīj al-Sālikīn baina Manāzil Iyyāka Naʿbudu wa Iyyāka Nastaʿīn*. Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿArabī.
- Al-Jawādī, A. (2008). Some Oligosemic Problems in Translating the Glorious Qur'an into English. *University of Sharjah Journal Of Shari'a and Law Sciences*, 6(2), 1-23.



- al-Jazzār, K. M. (2006). *al-Muʿjam al-Farīd li Maʿāni Kalimāt al-Qurʾān al-Majīd*.  
Kaheerah: Dār al-Tauzīʿ wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia (KKBI), Kamus versi online/daring(dalam jaringan)*. (n.d.). Retrieved 25 Julai, 2017, daripada Kamus Besar Bahasa Indonesia (KKBI), Kamus versi online/daring (dalam jaringan): <http://kbbi.web.id/gembala>.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasyfullah A. Kadir, Idris Mansor. (2016). Unsur Kawalan Dan Organisasi Penaung Aktiviti Penterjemahan al-Quran Di Malaysia. *QURANICA; International Journal Of Quranic Journal*, 8(2), 67-95
- Kenny, D. (2009). Equivalence. In Saldanha & Baker (Ed.), *Routledge Encyclopedia of Translation Studies* (Second Edition). London & New York: Routledge. pp. 96-99
- Khalaf, I. N. A.-R & Zulkifli Mohd Yusoff. (2012). The Qur'an: Limits of Translatability. *QURANICA- International Journal Of Quranic Research*, 2(1), 73-85.
- al-Khālidī, Ṣ. °.-F. (1992). *al-Bayān Fī Iʿjāz al-Qurān*. °Ammān: Dār °Ammār.
- al-Khālidī, Ṣ. °.-F. (1998). *Laṭāʾif Qurʾāniyyah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- al-Khālidī, Ṣ. (2000). *Iʿjāz al-Qurʾān al-Bayānī wa Dalāil Maṣdarihi al-Rabbānī*. Amman: Dār °Ammār.
- Khalūsī, Ṣ. 2.-H.-M.-°.-K. (1982). *Fann al-Tarjamah Fī Ḍau' al-Dirāsāt al-Muqāranah*. Iraq: Dār al-Rashīd.
- al-Khatīb, T. Y. (1992). *al-Muʿjam al-Mufasssal fī al-Iʿrāb*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Khattābī, A. S. (1975). al-Bayān fī Iʿjaz al-Quran. In Ahmad, M. K. & Salam, M. Z (Ed.), *Thalathu Rasa'il fī Iʿjaz al-Quran li Rummānī wa al-Khattābī wa °Abd al-Qāhīr al-Jurjānī* (pp. 21-76). Kaheerah: Dār al-Maʿrifah.
- al-Khāzin, A. °.-B. (2004). *Lubāb al-Ta'wīl Fī Maʿānā al-Tanzīl [Tafsīr al-Khāzin]*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Khin, M., al-Bughā, M. & al-Syarbajī, °A. (1996). *al-Fiqh al-Manhajī °alā al-Mazhab al-Syāfi°e*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Larson, M. (1998). *Meaning-Based Translation-A Guide to Cross Language Equivalence-*. Oxford: University Press of America.
- Lehrer, A. (1974). Notes on Lexical Gaps. *Lournal of Linguistics*, 257-261.
- Mahsor Yahya, Mazlan Ibrahim & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2011). Abdullah Abbas Nasution: Tokoh Penterjemah dan Pentafsir al-Quran. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV* (pp. 258-267). Selangor: UKM.
- al-Maidānī, °. R. (1996). *al-Balāghah al-°Arabiyyah; Ususuhā wa °Ulūmuhā wa Funūnuhā*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Malīkah, S. (2012). *Tarjamah Maʿānī al-Qurʾān al-Karīm °inda Denise Masson-Dirāsah Taṭbīqiyyah*. Disertasi Sarjana, Jāmiʿah Wahrān, Algeria.
- Mannad, I. (2001). *Ṣighah Faʿala fī al-Qurʾān al-Karīm*. Disertasi Sarjana, Universiti Abu Bakar Bilqāyi, Algeria.

- Mat Taib Pa. (2001). Perbandingan Ciri-Ciri Umum Nahu Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dan Kaitannya dengan Kesulitan Pelajar-Pelajar Mempelajari Bahasa Arab. *Jurnal Bahasa Moden*, 13, 133-147.
- Mohd Firdaus Abdul Manaf, Mohd Hazwan Hamri. (2016). Perbandingan Teori Penterjemahan Arab-Malayu dalam al-Quran. *Prosiding Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah*.
- Mohd Helmi Pangat, Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Strategi Komunikasi Bukan Lisan(SKBL) Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina(SRJKC). *Jurnal Pengajian Melayu*, 27, 134-158.
- Mohd. Shukri, H. (2001). Usaha Penterjemahan al-Quran di Kepulauan Melayu. *PEMIKIR*, 173-197.
- al-Mubārakfūrī, Ṣ. a.-R. (1994). *al-Raḥīq al-Makhtūm*. Riyadh: Maktabah Dār al-Salām.
- Muchlis, M. (2011). Problematika Terjemahan al-Qur'an. *Suhuf; Jurnal Kajian al-Quran dan Kebudayaan*, 4(02), 169-195.
- Muhammad Arsyad, A. M. (2009). *Terjemahan Arab-Melayu dari Sudut Makna Pengkhususan: Satu Analisis Pendekatan dalam Surah al-Baqarat*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Muhammad Bahauddin, H. (2006). Tarjamah al-Qur'ān al-Karīm: Hukmuhā wa Ārā' al-ʿUlamā' fihā. *Jurnal Dirāsāt al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah al-ʿĀlamiyyah Chittagong*, 3, 133-144.
- al-Munajjid, M. N.-D. (1997). *al-Tarāduf fī al-Qur'ān al-Karīm (Bayn al-Nazariyyah wa al-Taṭbīq)*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Munif Zariruddin, N. (2015). *Dimensi Bahasa dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Murādī, a.-H. i. (1992). *al-Janā al-Dānī fī Hurūf al-Maʿāni*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Mustafa, I., Zayyad M. H., ʿAbdul-Qadir H. & al-Najjār, M. ʿA. (1989). *al-Muʿjam al-Wasīf*. Istanbul: Dār al-Daʿwah.
- Mustaffa Abdullah & Mohd Asmadi Yakob. 2003. (2003). Kajian Tafsir di Kelantan: Satu Tinjauan Sejarah. *Jurnal Usuluddin*, 12, 107-122.
- al-Muṭʿinī, ʿ. a.-A. (1996). *Dirasat Jadīdah Fī Iʿjāz Al-Quran: Manahij Tatbīqiyyah fī Tauzif al-Lughah*. Kaherah: Maktabat Wahbah.
- Nabilah Abdullah, Rohaya Abdul Wahab, Ghaziah Ghazali, Shireena Basree Abdul Rahman & Norshidah Nordin. (2013). Ciri-Ciri Penyelidikan Kualitatif. In Noraini Idris(ed.), *Penyelidikan dalam Pendidikan* (pp. 288-314). Kuala Lumpur: Mc Grow Hill Education.
- Nakhidkina, A. A. (2013). Lexical Gaps of Kinship in the Yakut Epic Olonko: Problem of Translation. *Journal of Siberian Federal University; Humanities & Social Sciences*, 735-741.
- Nasimah Abdullah. (2016). Daur al-Siyāq fī Taḥqīq al-Tarjamah al-Sāhīhah. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 113-128.
- al-Nasser, N. Z. (2010). *Lexical Gaps in Five Translation of Qur'anic Paradise Term*. Disertasi Sarjana, Universiti Yarmouk.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. London: Prentice Hall.

- Newmark, P. (1992). *Pendekatan Penterjemahan*. (Z. A. Rahman, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohd. Ishak, Siti Fatimah Mohd. Yassin, Mohd. Izham Mohd. Hamzah & Siti Rohayah Arifin. (2013). Kajian Kes. In Noraini Idris(ed.), *Penyelidikan Dalam Pendidikan Selangor*. Mc Graw Hill Education(Malaysia) Sdn. Bhd. (pp. 356-379). Selangor: Mc Graw Hill Education(Malaysia) Sdn. Bhd.
- Obaid, I. M. (2011). *Lexical Gaps in Translating the Day of Judgment Term in the Holy Qur'an*. Jordan: Universiti Yarmouk.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Perak: Penerbit UPSI.
- Piaw, C. Y. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ping, X. (2005). *Lexical Gaps In Translation*. *Disertasi Sarjana*, Shandong University.
- Purwanto, A. (2013). Analisis Penterjemahan Istilah-Istilah Agama Islam Dari Bahasa Arab ke Bahasa Inggeris. *DEIKSIS*, 5(2), 106-118.
- Pym, A. (1993). Lacunea and Uncertain Limits in Australia Culture, with suggestions on their translation. In S. B. Kathleen Firth (Ed.), *Australia in Barcelona* (pp. 27-37). Barcelona: Universitat de Barcelona.
- al-Qaṭṭān, M. (1996). *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Mu'assasah Risalah.
- al-Qīsiyy, °. M. (1996). *Sirr al-Ījāz fī Tanawwu° al-Šiyagh al-Musytaqqah min Ašl Lughawīyy Wāhid fī al-Qur'ān*. °Ammān: Dār al-Bashīr.
- al-Qurṭūbī, A. a.-W. (1996). *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtašid*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Rahimkhani, M. & Salmani, B. (2013). Lexical Gaps in Translation of Qur'anic Allusions in Hafez's Poetry: Strategies and Difficulties. *Journal of Theory and Practice in Language Studies*, 3(5), 781-789.
- Rahmani, E. (2011). *Trevelog Hajah, Kembara Tetamu Allah*. Selangor: PTS Millennia.
- al-Rājihī, °A. (1984). *al-Taṭbīq al-Šarfi*. Beirut: Dāe al-Nahḍah al-°Arabiyyah.
- al-Rāzī, F. a.-D. (1999). *al-Taḥsīn al-Kabīr*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-°Arabī.
- Roslan Ali. (2012). *Penterjemahan dan Interpretasi Homonim Dalam al-Quran al-Karim: Satu Kajian Bandingan*. *Tesis PhD*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Rudaynī, M. c.-K. (2002). *Fuṣūl fī 'Ilm al-Lughah al-°Ām*. Beirut: °Ālam al-Kutub.
- Saadatmanesh, S. (2013). A limit Survey to Accidental Gaps in English. *Journal of Science and Today's World*, 1211-1216.
- al-Šabbān, M. i. (1997). *Ḥāsyiah al-Sabbān °Alā Syarh al-Asymūnī*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Sābiq, S. (1992). *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Fikr.

- al-Şābūnī, M. °. (1997). *Safwah al-Tafāsīr*. Kaheran: Dar al-Şābūnī.
- Said, L. M. (2010). al-Tawjīh al-Maʿnawī Li al-Bunyah al-Şarfīyyah fī al-Qurʿān al-Karīm. *Majallah al-Tarbiyyah wa al-ʿIlm*, 171-192.
- Saldāna, J. (2013). *The Coding Manual for Qualitative Researchers*. London: SAGE Publication Ltd.
- Saldanha, G, & O'Brien, S. (2014). *Research Methodologies in Translation Studies*. New York: Routledge.
- al-Şālih, Ş. (1988). *Mabāhih fī ʿUlūm al-Qurʿān*. Beirut: Dār al-Kutub li al-Malāyīn.
- Sallami, A. Q. (2014). al-Mufradah al-Qurʿāniyyah min al-Muʿjam Ilā al-Iṣṭilāh. *QURANICA- International Journal Of Quranic Research*, 6(1), 83-116.
- al-Samīn al-Ḥalabī, A. Y. (1996). *ʿUmdat al-Ḥuffāz fā tafsīr Ashraf al-ʿAlfāz*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. .
- al-Sayyid, °. a.-H. (2004). *al-Afʿāl fī al-Qurʿān al-Karīm; Dirasāt Istiqrāʿiyyah Li al-Fiʿl fā al-Qurʿān al-Karīm*. ʿAmmān: Dar al-Hamid.
- Seong, G. S. (2013). Proses Terjemahan. In Hasuria Che Omar & Haslina Haroon (ed.), *Asas Terjemahan dan Interpretasi* (pp. 19-38). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Shams Mohd Nor. (2014). *Menyahut Panggilan Baitullah*. Selangor: Nadi Minda Resources.
- Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Shuttleworth, M & Cowie, M. (1997). *Dictionary of Translation Studies*. London & New York: Routledge.
- Sībawayh, A. B. ( t.th). *Kitab Sibawayh*. Beirut: Beirut.
- Siddiek, A. G. (2012, July). Viewpoint in the Translation of Holy Quran. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 1(2), 18-25.
- Silverman, D. (2010). *Doing Qualitative Research*. London: SAGE Publication Ltd
- Sin-Wai, C. (1997). *A Dictionary Of translation Technology*. Hong Kong: Chinese University Press.
- Sipka, D. (2015). *Lexical Conflict; Teori and Practice*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Susam-Sarajeva, Ş. (2009). The Case Study Research Method in Translation Studies. *The Interpreter and Translator Trainer*, 3(1), 37-56.
- Susan-Sarajeva, S. (2001). Is One Case Always Enough? *Perspectives: Studies in Translatology*, 9(3), 167-176.
- al-Suyūfī, J. a.-D.-R. (1998). *al-Iqtirāh fī ʿilm Usul al-Nahw*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Syed Nurulakla Syed Abadullah. (2015). *Analisis Makna Implisit dan Eksplisit Dalam Penerjemahan Buku "Rihlah Ibn Battutah" ke Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tabrizi, H. H. & Pezeshki, M. (2015). Strategies Used in Translation of Sceintific Text to Cope with Lexical Gaps ( Case of Biomass Gasification and

- Pyrolysis Book). *Journal of Theory and Practice in Language Studies*, 5(6), 1173-1178.
- al-Ṭabarī, M. i. (2000). *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Ṭabbārah, °. °.-F. (1996). *Ma'ā al-Anbiyā' fī al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Dār al-°Ilm Li al-Malāyīn.
- Umar, M. (10, 2013). *Bicara Agama*. Retrieved 24 1, 2018, from utusan Online: [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara\\_Agama/20131001/ba\\_01/Ingin-hidup-berkat#ixzz5542ErjBn](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20131001/ba_01/Ingin-hidup-berkat#ixzz5542ErjBn)
- °Umar, A. M. (1998). *°Ilm al-Dilālah*. Kaherah: °Ālam al-Kutub.
- al-Utbi, M. I. (2011). Translation of Kāda in the Quran as an Instance of Lexical Gaps. *Majallah Kulliyyah al-Ādāb*, 69-92.
- Venuti, L. (1995). *The Translator's Invisibility: A History of Translation*. London: Routledge.
- Vinay, J. & Darbelnet, J. (1995). *Comparative Stylistics of French and English Amsterdam*. (M.-J. H. Sager, Trans.) Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.
- Vladimirovna, T., Peretochkina, S. M. & Valieva, G. F. (2016). Elimination of Lexical Gaps in Translation of English Fiction. *Journal of Organizational Culture, Communications and Conflict*, 141-146.
- Williams, J. & Chesterman, A. (2002). *The Map; A Beginner's Guide to Doing Research in Translation Studies*. Manchester: St. Jerome Publishing.
- Yin, R. K. (2009). *Case Study Research: design and methods*. London: SAGE Ltd.
- al-Zahabī, M. H. (2005). *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. Avand Danesh LTD.
- Zaidān, °. a.-J. (2005). "Izha" Fī al-Qur'ān al-Karīm; Dirāsah Nahwiyyah. *Majallah Abhāth Kulliyyah al-Tarbiyyah al-Asasiyyah*, 137-159.
- al-Zamakhsyarī, A. a.-Q. (1995). *al-Kassyāf °An Haqā'iq Ghawāmid al-Tanzīl wa °Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Zamakhsyarī, A. a.-Q. (1999). *al-Musaṣṣal fī Ṣun'at al-I'rāb*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Zarkasyī, B.-D. M. (1988). *al-Burhān fī °Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Zarqānī, M. °.-°. (1988). *Manāhil al-°Irfān fī °Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Zubaidah Ibrahim & Bell. (2006). Kajian Makna Dan Terjemahan. In A. R. Zubaidah Ibrahim, *Kajian Bahasa dan terjemahan* (pp. 51-63). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Zuhaylī, W. (1991). *al-Tafsīr al-Munīr fī al-°Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*. Beirut: Dār al-Fikr.
- الهيئة العامة للإحصاء، (n.d.). *الحصر الفعل للحجاج*. المملكة العربية السعودية: <https://www.stats.gov.sa/ar/28>

## BIODATA PELAJAR



Badrul Hisyam bin Mohd Yasin lahir di Dungun, Terengganu pada 4 Jun 1975. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Seberang Dungun (1982-1987). Beliau kemudiannya meneruskan persekolahan di SMK Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu (1988-1990). Setelah mendapat keputusan yang memberangsangkan dalam Sijil Rendah Pelajaran (SRP), beliau berpeluang melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam Sultan Alam Shah (1990-1991). Didikan bahasa Arab oleh ayahanda beliau secara informal sejak di bangku sekolah rendah telah mencetuskan minat dalam diri beliau untuk mendalami bahasa Arab.

Bagi meneruskan kecintaan yang mendalam dalam bahasa Arab, beliau telah menyambung pengajiannya di Universiti Āl al-Bayt, Jordan dalam pengkhususan Bahasa dan Kesusasteraan Arab pada tahun 1994 dengan tajaan biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Beliau menyempurnakan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1999 dengan pangkat '*Jayyid Jiddan*' (sangat baik) dan Diploma Pendidikan di Maktab Perguruan Islam pada tahun 2000 dengan pangkat 'Cemerlang'.

Beliau memulakan kerjaya sebagai pendidik di SMK Agama Miri pada tahun 2000. Setelah sepuluh tahun berkhidmat sebagai pendidik di Miri, Sarawak, beliau menyambung pengajian pada peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2010 di bawah tajaan biasiswa KPM. Beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Pengajian Arab (Pengajian Arab) pada tahun 2012 dengan disertasi berjudul '*Penggunaan Wazn Af'ala dan Fa<sup>cc</sup>ala daripada Judhur Kalimah yang Sama dalam al-Quran: Analisis Aspek Dilālah Sarfiyyah dan I'jāz Bayānī*'. Usai pengajian pada peringkat sarjana, beliau meneruskan perkhidmatan sebagai Pensyarah Akademik di Jabatan Bahasa Arab, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam.

Pada tahun 2015, beliau sekali lagi diberi peluang dan dianugerahi biasiswa oleh KPM untuk melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah Doktor Falsafah. Kajian

berkaitan dengan jurang leksikal dalam terjemahan al-Quran telah menarik minat beliau. Pada tahun 2018, beliau mengemukakan tesis Ph.D. berjudul "Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran Pola *Af'ala* ke Bahasa Melayu" di bawah bimbingan dan penyeliaan Dr. Syed Nurulakla bin Syed Abdullah, Dr. Mohd Sukki bin Othman dan Dr. Nik Farhan binti Mustafa.

Bidang terjemahan merupakan bidang yang baharu bagi Badrul Hisyam. Meskipun begitu, minat yang mendalam, semangat yang membara dan bimbingan yang berterusan oleh penyelia beliau, terutamanya Dr. Syed Nurulakla menjadikan beliau sentiasa teruja untuk menjiwai dan menghayati bidang terjemahan. Beliau telah berpeluang membentangkan artikel berkaitan dengan disiplin terjemahan al-Quran dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Kali ke-16 yang dianjurkan oleh Universiti Malaya, Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia serta Perbadanan Kota Buku.

Kini, Badrul Hisyam berkhidmat sebagai Pensyarah Akademik di Jabatan Bahasa Arab, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bandar Baru Bangi. Kajian Ph.D. yang dihasilkan menyemarakkan lagi daya usaha, semangat dan komitmen Badrul Hisyam dalam mencipta keberhasilan dan pencapaian yang lebih bermakna dalam disiplin terjemahan, khususnya terjemahan al-Quran.

## SENARAI PENERBITAN

### Jurnal

Badrul Hisyam bin Mohd Yasin, Syed Nurulakla bin Syed Abdullah & Nik Farhan binti Nik Mustapha. (2017). Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja Pola *Af'ala* dan *Fa'ccala* al-Quran ke Bahasa Melayu . *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 242-252.

Badrul Hisyam bin Mohd Yasin, Syed Nurulakla bin Syed Abdullah & Nik Farhan binti Nik Mustapha. (2016). Bentuk Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata kerja al-Quran Pola *Af'ala* ke Bahasa Melayu. *Jurnal Penterjemah*, 57-72.

### Prosiding

Badrul Hisyam bin Mohd Yasin & Syed Nurulakla bin Syed Abdullah. (2017). Jurang Leksikal dalam Penterjemahan Kata Kerja al-Quran ke Bahasa Melayu. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-16 (PPA-16)* (pp. 280-293). Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Perbadanan Kota Buku.

Badrul Hisyam bin Mohd Yasin & Syed Nurulakla bin Syed Abdullah. (2017). Isu Tatabahasa Dalam Penterjemahan Kata Kerja Al-Quran Pola *Af'Ala* Berjurang Leksikal Ke Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Kebangsaan Bahasa Arab dan Kesusasteraan Arab*. Kuala Terengganu: UniSZA.

Badrul Hisyam bin Mohd Yasin, Muhammad Fauzi bin Jumingan & Nik Farhan binti Mustapha. (2015). Analisis Aspek Makna Kata Kerja *Wazn Af'ala* dan *Fa'ccala* Bersinonim dalam al-Quran. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab 2015* (pp. 258-266). Bandar Baru Bangi: NCAL IPG KPI.





## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : \_\_\_\_\_

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

JURANG LEKSIKAL DALAM PENTERJEMAHAN KATA KERJA AL- QURAN POLA  
AF'ALA KE BAHASA MELAYU

**NAMA PELAJAR : BADRUL HISYAM BIN MOHD YASIN**

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]